



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/6/2011

Penguasaan pemimpin Erdogan hanya untungkan DAP, PKR

KEPUTUSAN pemilihan pucuk pimpinan tertinggi PAS pada muktamar ke-57 parti itu disifatkan di luar jangkaan dan mengejutkan. Jawatan tertinggi PAS kini dikuasai bukan ulama dan profesional termasuk Timbalan Presiden dan tiga jawatan Naib Presiden serta sebahagian besar Ahli Jawatankuasa Pusatnya. Boleh dirumuskan, PAS kini bukan lagi parti milik ulama yang menjadi penggerak perjuangan parti sejak sekian lama. Golongan bukan ulama atau pemimpin tidak mempunyai latar belakang agama dalam PAS yang digelar Erdogan dilihat lebih liberal dan pada masa sama pro kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ketika Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam ucapan dasarnya menggelar ulama yang menyokong perjuangan UMNO dan Barisan Nasional

(BN) sebagai 'syaitan bisu', pada masa sama ulama PAS ditolak dalam saf kepemimpinan parti itu. Persoalannya, adakah PAS turut dikelilingi ulama yang berdiam diri atau 'syaitan bisu' sehingga ulama PAS ditolak oleh ahli PAS sendiri daripada menerajui parti itu, atau perjuangan ulama PAS dilihat sudah tidak relevan dalam percaturan politik hari ini? Hadi tidak segan silu menukar slogan PAS daripada membentuk negara Islam yang diperjuangkan sejak 30 tahun lalu kepada negara berkeadilan yang kononnya lebih sejajar dengan tuntutan perjuangan pakatan pembangkang. Kita percaya ramai termasuk di kalangan ahli PAS sendiri yang kecewa dengan tindakan Hadi kerana didakwa terlalu menjaga hati rakan sekutu dalam pakatan pembangkang iaitu DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) hingga

sanggup mengorbankan prinsip perjuangan PAS.

Justeru, yang pasti penguasaan pemimpin Erdogan dalam PAS ini hanya menguntungkan DAP dan PKR. Ini kerana barisan kepemimpinan PAS yang dipilih kali ini dijangka sanggup bersekongkol dengan DAP dan PKR dengan tujuan sama iaitu untuk memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum akan datang. Bagi pemimpin PAS ini yang begitu bercita-cita besar untuk menawan Putrajaya, perjuangan asal membentuk negara Islam bukan lagi menjadi keutamaan. Yang jelas percaturan politik dalam pemilihan PAS kali ini, menyebabkan Hadi dan Mursyidul Am PAS, Datuk Abdul Aziz Nik Mat kehilangan orang kepercayaan di kalangan ulama. Malah, kita tidak menolak, golongan ulama

PAS diketepikan perwakilan PAS kerana tidak tanduk golongan ulama dalam PAS sendiri. Golongan ulama dalam PAS sering dilihat tidak tegas dalam tindakan mereka berhubung sesuatu isu, malah sering mengeluarkan fatwa mengelirukan. Seperti Nik Aziz yang mempertahankan Anwar berhubung isu video seks mirip ketua pembangkang itu tanpa membuat siasatan, sedangkan ahli dan penyokong PAS sudah melihat bukti yang nyata. Sudah tentu di kalangan ahli PAS terutama golongan muda berasa kecewa dengan keadaan yang berlaku. Mereka melihat 'fatwa' atau kenyataan yang dikeluarkan sebagai tidak logik dan mengikut emosi. Akhirnya kita percaya mereka membuat keputusan untuk menolak golongan ulama daripada terus menerajui PAS.